

Baca petikan di bawah ini , kemudian jawab semua soalan yang disediakan

Berani menyesuaikan diri dan berdikari

Ijazah mahupun diploma yang diraih merupakan salah satu ukuran kejayaan di sepanjang pengajian, namun ia bukanlah ukuran **mutlak** dalam menyediakan para graduan di dunia pekerjaan.

Para graduan diingatkan akan mampu membentuk **jati diri** dan memperkasa insaniah secara holistik di sepanjang pengajian, di mana ia bukan sahaja mengeluarkan para graduan melalui ijazah tetapi mengeluarkan graduan yang mampu berdaya saing di dunia luar.

Sepertimana yang ditekankan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Konvokesyen ke-32 UBD, yang berlangsung di Dewan Canselor, UBD.

“Para graduan UBD diharap agar sentiasa mengamalkan sikap menyesuaikan diri dan berdikari dalam keadaan dunia hari ini , terutama sekali dalam menghadapi cabaran, para graduan juga diingatkan sentiasa mengekalkan integriti dan berpegang teguh kepada ajaran ugama Islam agar apa jua usaha akan sentiasa mendapat berkat dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata’ala”.

Dengan pasaran kerja yang **pesat** berubah di mana kita kini sedang berada dalam era Revolusi Industri Ke-4 kerana pada era ini, teknologi digital akan mengubah cara hidup kita dan juga cara bekerja.

Respons terhadap revolusi ini tentu sahaja melibatkan semua pihak yang berkepentingan , sama ada oleh sektor awam, swasta dan malah seluruh masyarakat, termasuk para akademik dan graduan untuk berganding bahu menggerakkan pembangunan *knowledge-based*.

Setiap graduan diingatkan akan terus **memupuk** sikap ingin maju serta berazam membangun negara ini, namun tetap harus berpegang kuat kepada falsafah Melayu Islam Beraja.

Disesuaikan Dari Sidang Pengarang, Pelita Brunei , edisi 04 November 2020

1. Apakah yang sudah diingatkan kepada para graduan semasa dalam pengajian?
(4 markah)

2. Apakah yang ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Konvokesyen Ke-32 , UBD? (4 Markah)

3. Siapakah yang terlibat di dalam respons dalam Era Revolusi Industri Ke-4? (4 Markah)

4. Pada pendapat kamu, berikan 2 cara untuk membentuk jati diri dan memperkasa insaniah.

5. Berikan maksud bagi pekataan di bawah ini: (4 Markah)

a. Mutlak : _____

b. Jati diri : _____

c. Pesat : _____

d. Memupuk : _____